ISLAM DAKWAH YANG SYUMUL

Oleh DR. MUHAMMAD YUSUF QARDAWI

Diterjemahkan oleh : Ustaz Mohd. Rivai Batubara

Terbitan : Angakatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

Cetakan Pertama 1983

PDF version by istiqamah_mfs@yahoo.com 1 Zulhijjah 1424.

Di antara ciri-ciri yang membezakan Islam daripada agama agama, falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi yang dikenal oleh manusia ialah ciri 'asy-Syumul atau kemenyeluruhan dengan segala pembawaan maknanya yang merangkumi dan meliputi segala-galanya. Ia meliputi semua zaman dan merangkumi seluruh kejadian dan kehidupan manusia. Seorang ulama' menggambarkan keluasan erti asy-Syumul' di dalam risalah Islam itu sebagal berikut

"Islam adalah risalah yang panjangnya meliputi semua zaman, lebarnya mengatur segenap aspek hidup manusia dan dalamnya merangkumi setiap persoalan dunia dan akhirat".

Islam risalah semua zaman

Islam adalah risalah bagi setiap zaman dan generasi, bukan risalah yang terhad pada masa yang tertentu yang peranannya habis dengan berakhirnya masa itu, sebagaimana keadaan risalah Nabi-nabi yang terdahulu daripada Nabi Muhammad s.a.w. Bahawa setiap Nabi diutus bagi jangka masa yang tertentu. Bila tempoh itu habis, maka Allah s.w.t. mengutus pula Nabi yang lain. Adapun Nabi Muhammad s.a.w. adalah penutup para Nabi. Oleh itu risalahnya adalah risalah yang abadi yang berkekalan hingga ke hari Qiamat dan meliputi seluruh alam. Risalah ini membawa hidayah yang terakhir kepada umat manusia. Jelaslah bahawa tidak ada syariat selepas Islam, tidak ada kitab selepas al-Quran dan tidak ada Nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w.

Tidak ragu-ragu lagi bahawa Islam adalah risalah masa depan yang abadi dan risalah masa lalu yang jauh. Sesunggughnya pokok iqtikad dan akhlaknya adalah menjadi risalah bagi tiap-tiap nabi yang diutus dan tiap-tiap kitab yang diturunkan. Maka semua Nabi datang dengan Islam, menyeru Tauhid dan menjauhi Thaghut.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ (25)

"Dan Kami tidak mengutus seoranng Rasul pun sebelum kamu, melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahawsanya Tidak ada Tuhan melainkan Aku, maka, sembahlah oleh Kamu akan Aku."

(surah Anbiyä: 25)

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولاً أَنِ اعْبُدُواْ اللّهَ وَاجْتَنِبُواْ الطَّاغُوتَ فَمِنْهُم مَّنْ هَدَى اللّهُ وَمِنْهُم مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلالَةُ فَسِيرُواْ فِي الأَرْضِ فَانظُرُواْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ (36)

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul pada tiap tiap umat (untuk menyerukan): Sembahlah Allah s.w.t. (saja,) dan jauhilah Thaghu't itu."

(surah An-Nahli: 36)

Setiap Nabi memberitahu bahawa mereka adalah Muslim dan menyeru kepada Islam.

Nabi Nuh Alaihis' Salam berkata:

ثُمَّ بَعَثْنَا مِن بَعْدِهِم مُّوسَى وَهَارُونَ إِلَى فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِ بِآيَاتِنَا فَاسْتَكْبَرُواْ وَكَانُواْ قَوْمًا مُّجْرِمِينَ (75)

"Dan aku diperintah supaya aku termasuk golonganMuslimin."

(surah Yunus: 72)

Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihis' Salam berkata:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللّهِ وَكُنتُمْ أَمْوَاتاً فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ (28)

"Ya Tuhan Kami jadikanlah kami be orang yang Muslim kepadamu dan (di antara anak cucu kami Umat yang Muslim kepada Mu."

(surah al-Baqarah: 128)

Nabi Ibrahim dan Nabi Ya'cub berwasiat kepada anak-anaknya:

وَوَصَّى بِهَا إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يَا بَنِيَّ إِنَّ اللّهَ اصْطَفَى لَكُمُ الدِّينَ فَلاَ تَمُوتُنَّ إِلاَّ وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ (132)

"Hai anak-anakku! Sesungguhnya Allah s.w.t. telah memilih Agama ini bagimu, maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam." (surah al-Baqarah: 132)

Nabi Yusuf Alahis' Salam berdoa kepada Tuhannya:

رَبِّ قَدْ آتَيْتَنِي مِنَ الْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِي مِن تَأْوِيلِ الأَحَادِيثِ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ أَنتَ وَلِيِّي فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ تَوَفَّنِي مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ (101)

"Wafatkanlah aku dalam keadaan Islam dan gabungkan aku dengan orang-orang yang soleh."

(surah Yusuf: 101)

Nabi Musa Alaihis' Salam berkata:

وَقَالَ مُوسَى يَا قَوْمِ إِن كُنتُمْ آمَنتُم بِاللّهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُواْ إِن كُنتُم مُّسْلِمِينَ (84)

"Hai kaumku, jika kamu berima kepada Allah, maka bertawakkallah kepadaNya sekiranya Kamu benar-benar Muslim." (surah Yunus: 84)

Para tukang sihir Fir'aun ketika beriman kepada Nabi Musa Alaihis' Salam berkata:

وَمَا تَنقِمُ مِنَّا إِلاَّ أَنْ آمَنَّا بِآيَاتِ رَبِّنَا لَمَّا جَاءتْنَا رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ (126)

"Ya Tuhan Kami, Limpahkanluli kesabaran kepada kami dan wafatkanlah kami dalam keadaan Muslim kepada Mu". (surah al-A'araf: 126)

Nabi Sulaitnan Alaihis' Salam mengutus surat kepada Ratu Baiqis dan kaumnya:

أَلَّا تَعْلُوا عَلَيَّ وَأْتُونِي مُسْلِمِينَ (31)

"Janganlah kamu sekalian berlaku sombong terhadapku dan datanglah kepadaku sebagai orang-orang yang Muslim". (surah An Naml: 31)

Kaum hawariyun berkata kepada Nabi Isa Alaihis' Salam:

"Kami beriman kepada Allah s. w.t. dan saksikanlah bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Muslim." (surah Ali-Imran: 52)

Sesungguhnya Islam adalah inti risalah setiap Nabi yang datang dan sisi Allah s.w.t. semenjak dan Nabi Nuh Alaihis' Salam hingga Nabi Muhammad s.a.w. Islam adalah risalah semua zaman.

ISLAM RISALAH SELURUH ALAM

Apabila risalah ini tidak terbatas kepada masa dan generasi, maka sedemikian pulalah ia tidak terbatas kepada satu tempat, atau segolongan umat atau satu bangsa atau satu kelas masyarakat tertentu. Sesungguhnya ia adalah risalah sejagat yang merangkumi setiap umat, setiap jenis manusia, setiap bangsa dan setiap kelas di dalam masyarakat. Ia bukan risalah bagi satu bangsa yang tertentu, yang mendakwa bahawa bangsanyalah pilihan Tuhan danseluruh manusia mesti tunduk kepadanya. Ia bukan risalah bagi kawasan tertentu sehingga kawasan-kawasan lain terpaksa mengakuinya supaya ia dapat menarik keuntungan daripadanya. Ia bukan risalah bagi satu kelas terteniu dalam masyarakat supaya ia dapat memerintah kelas-kelas yang lainnya berkhidmat untuk kepentingannya atau mengikut kemahuannya ataupun ia dapat mengexploitasinya, sama ada kelas yang berkuasa itu dan kalangan orang-orang kuat atau orang-orang lemah, dan kalangan pemimpin atau hamba, dan kalangan orang-orang kaya, atau orang-orang miskin ataupun dan kalangan rakyat-jembel. Sesungguhnya Islam adalah risalah untuk mereka seluruhnya, bukan untuk kepentingan satu golongan daripada mereka. Dan tidaklah menjadi hak monopoli satu golongan tertentu untuk memahamkan, menafsirkan serta mendakwahkan Islam seperti yang disalah-fahamkan setengah-setengah orang. Sesungguhnya ia adalah hidayah Tuhan manusia kepada setiap manusia dan rahmat Allah bagi setiap hamba Allah.

"Dan tiadalah Kami mengutusmu melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta Alam." (surah An Anbiya': 107)

"Katakanlah: Hai manusia sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada Mu semua." (surah Al A'araaf: 158)

"Mahasuci Allah yang telah menurunkan Al Furqan kepada hambanya agar dia menjadi peringatan kepada seluruh Alam." (surah Al Furqan: 1)

'Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan untuk segala umat." (surah Al An'aam: 90)

Setengah orientalis menyangka bahawa Nabi Muhammad s.a.w. tidak mengisytiharkan dan permulaannya bahawa beliau adalah utusan Allah s.w.t. kepada seluruh manusia, tetapi hal itu

dilakukannya setelah beliau mendapat kemenangan ke atas kaumnya bangsa Arab. Maka ayat-ayat yang kita sebutkan itu menolak sangkaan mereka. Ini disebabkan kesaiah-fahaman mereka terhadap ayat-ayat Makkiyyah. Ayat-ayat sepertinya banyak di turunkan pada masa-masa permulaan turunnya AlQuran.

ISLAM RISLAH MANUSIA SEUTUHNYA

Islam adalah risalah manusia seutuhnya, iaitu dipandang dan sudut manusia itu keseluruhannya. Ia bukanlah risalah bagi akal tanpa ruh, bukan bagi ruhani tanpa jasmani, bukan bagi fikiran tanpa perasaan, dan bukan sebaliknya. Ia adalah risalah insan seutuhnya iaitu ruhnya, akalnya, jasmaninya, hail nuraninya, kemahuannya dan perasaannya.

Sesungguhnya Islam tidak membahagi manusia kepada dua bahagian sebagaimana yang dilakukan oleh agama-agama lain. Pertama bahagian ruhani yang dikendalikan oleh agama dan diarahkannya ke tempat ibadat. Bahagian ini menjadi hak istemewa golongan agama dan tempat permainan bagi para paderi dan pendeta bagi mengarahkan manusia dan celah-celahnya. Manakala bahagian kedua terdiri daripada benda, yang tidak ada kekuasaan bagi agama dan golongan agama ke atasnya, malah tidak ada lapangan bagi Allah s.w.t. padanya. Bahagian ini menjadi lapangan bagi kehidupan, dunia, politik, masyarakat dan negara. Dan inilah bahagian yang terbesar dan kehidupan manusia.

Tetapi, apakah keadaan ini sesuai dengan fitrah dan tabiat manusia mengikut yang diciptakan Allah? Tidak. sekali-kali ridak! Manusia sebagaimana yang diciptakan oleh Allah s.w.t tidak terbahagi dan tidak dapat dipisah-pisahkan. Ia adalah manusia seutuhnya. Suatu keseluruhan yang padu dalam bentuk kepadian yang satu. Tidak dapat dipisah-pisahkan di antara ruh dan benda, di antara benda dan ruh. di antara akal dengan perasaan dan diantara perasaan dengan akal. Ia adalah kesatuan yang padu, yang tidak dapat dibahagi-bahagi di antara jasmani, ruhani, akal fikiran dan hati nurani.

Dan itu, tujuannya mestilah satu. Arahnya satu dan jalannya satu. Inilah yang dilakukan oleh Islam, iaitu menjadikan tujuannya Allah dan arahnya Akhirat.

Dengan ini manusia tidak berpecah kepada dua arah yang berlainan atau dua kekuasaan yang bertentangan. Yang satu ketimur dan yang satu lagi ke barat. Bagaikan seorang hamba yang dimiliki oleh beberapa Tuan, tiap-tiap orang memberi perintah yang bertentangan dengan perintah yang lainnya, maka hamba itu menjadi binggung, fikirannya simpang siur, hatinya berantakan, sebagaimana digambarkan oleh Allah di dalam Al-Quran :—

"Allah membuat perumpamaan seorang lelaki (hamba yang dimiliki oleh beberapa orang yang bersyarikat/berkongsi yang dalam keadaan berselisih dan seorang hamba yang menjadi milik penuh dan seorang lelaki (saja,). Adakah kedua hamba itu sama halnya." (surah Az-Zumar: 29)

ISLAM RISALAH MANUSIA DALAM SETIAP PERINGKAT HIDUPNYA.

Bahawa Islam adalah risalah manusia seutuhnya dan juga risalah manusia dalam setiap peringkat hidup dan wujudnya. Inilah gambaran lain dan gambaran kesejagatan Islam. Sesungguhnya ia adalah Hidayah Allah yang menyertai manusia di mana saja ia berada dalam peringkat-peringkat hidupnya. Ia menyertai manusia pada peringkat kanak-kanak, menjelang remaja, pemuda, dewasa dan tua. Pada setiap peringkat ini Islam menggariskari manhaj hidup utama yang diredhai oleh Allah s.w.t.

Oleh itu, tidaklah menghairankan apbila anda mendapati dalam Islam hukum-hakam dan penganjaran-penganjaran yang berkaitan dengan. kanak-kanak sejak ia dilahirkan, seperti menghilangkan kesakitan daripadanya, membacakan azan ditelinganya. memilih nama yang baik baginya, membuat aqiqahnya sebagai tanda bersyukur kepada Allah dan sebagainya.

Selanjutnya anda mendapati hukum-hakam yang berkaitan dengan penyusuan anak, lamanya penyusuan, penyapihan dan selesai dan susuan, siapa yang menyusukan, siapa yang wajib memberi nafkah ibu atau upahnya, khasnya ketika berlaku perceraian dan pemisahan ibu kanak-kanak dan bapanya.

Berkenaan dengan masalah ini telah diturunkan ayat-ayat Al-Quran yang menerangkan secara jelas dan terperinci. Firman

Allah:

"Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan, Dan kewajiban ayah membeli makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang Ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kemampuannya. Janganlah seseorang itu menderita kesengsaraan kerana anaknya dan seorang ayah kerana anaknya, dan waris pun berkewajipan demikian. Apabila keduanya ingin menyapih ('sebelum dua Tahun) dengan kerelaan keduanya dan pemesyuaratan, maka tidak ada dosa alas keduanya. Dan jika kamu ingin disusu'kan orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan penbayaran menurut

yang patut. Bertakwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

(Q.S. Al Baqarah: 233)

Selain dan itu kita mendapati hukum-hukum yang berkaitan dengan manusia dan masa kanak-kanak, masa muda dewasa hingga masa tua. Tidak ada satu peringkat dan kehidupan manusia, melainkan Islam memberi pengarahan dan aturan undang-undangnya. Lebih jauh daripada itu, Islam mengurus manusia dan semenjak sebelum ia lahir sampai sesudah ia mati.

Tidaklah pelik apabila kita mendapati di dalam Islam hukum-hukum yang berkenaan dengan janin di dalam perut, iaitu dari segi pemeliharaannya dan mengambil berat atas kehidupannya dengan memberi makanan secukupnya. Kerana itu syarat mengharamkan penggugura janin dan mengenakan diyat tertentu atas orang yang menyebabkan gugurnya janin. Juga disyari'atkan bagi perempuan yang sedang hamil berbuka puasa sekiranya ia takut mengganggu kesehatan janin yang di dalarn perutnya. Demikian juga beberapa hukum-hukum lain yang berkaitan dengan kandungan. Perempuan mengandung yang diceraikan berhak mendapat nafkah selama ia mengandung. Firman Allah:

"Dan jika (isteri-isteri yang sudah ditalaq) itu sedang hamil, berikanlah kepada mereka nafkahnya hingga mereka bersalin." (Q.S. Ath Thalak: 6)

Sedemikian juga kita mendapati di dalam Islam hukum-hukum yang berkaitan dengan manusia selepas ia mati seperti kewajiban memandikannya, mengkafaninya, menyembahyangkannya dan menanamnya dengan kaifiat yang tertentu, Sebagaimana disyari'at kan ta'ziah di atas kematian itu, mendoakannya, menunaikan wasiatnya, membayar hutangnya kepada manusia ataupun Allah dan sebagainya seperti yang terkandung di dalam Kitab Jenazah dalam Fekah Islam.

ISLAM RISALAH DI DALAM SEGALA LAPANGAN HIDUPNYA.

Islam adalah risalah dalam segenap lapangan hidup manusia dan setiap aspek kegiatannya. Tidak ada satu aspek pun dan hidup manusia ini, melainkan Islam telah menetapkan ketentuan ketentuannya. Islam memberi pimpinan dan arahan serta meng adakan peraturan dan undang-undang. Islam mempergunakan method memberi pengajaran yang baik dan memberitahu sanksi terhadap pelanggaran sesuai dengan keadaan dan tempat masing-masing.

Yang penting bahawa Islam tidak membiarkan manusia sendirian tanpa hidayah Allah pada setiap jalan yang ditempuhnya atau mana-mana kegiatan yang dilakukannya, sama ada yang bersifat kebendaan atau keruhanian, perseorangan atau masyarakat, berbentuk fikiran atau amal, bidang ugama atau politik, lapangan ekonomi atau akhlak.

Islam sebagairnana kata Almarhum "al Aqqaad" ialah aqidah yang paling penting bagi manusia, sama ada bagi orang perseorangan atau masyarakat. Ia menjadi faktor utama bagi ruhani dan jasmani manusia supaya ia dapat melihat kehidupan dunia dan akhirat, baik di masa damai atau perang, di dalam rangka menunaikan tanggungjawab terhadap diri dan pemerintahnya. Maka bukanlah muslim yang hanya mencari akhirat tanpa dunia, atau mengejar dunia meninggalkan akhirat, atau mengakui ruh tetapi mengengkari jasad, atau mengakui jasad tetapi mengengkari ruh, atau hanya berkawan dengan lslamnya pada satu keadaaimya, sama ada seorang diri atau berada di tengah tengah masyarakat.

"Sesungguhnya aqidah di dalam kehidupan pribadi atau masyarakat adalah ciri utama aqidah lslamiyyah, iaitu ciri yang diwahyukan kepada manusia bahawa ianya universal dan sejagat, sehingga ia selamat dari serpihan-serpihan aqidah yang membahagi nanusia ke alas dua bahagian, kemudian gagal untuk menjadikan manusia utuh dan padu." (Al Islam fil Qarnil 'isyriin. fasal "Quwwatun Shamidah' oleh Al Ustaz 'Abbas Al Aqqaad.)

Maksud pujangga besar (Rahimahullah) ini ialah bahawa setengah-setengah agama seperti agama masihi dapat menerima bahawa hidup ini dibahagi dua, iaitu sebahagian untuk agama yang dikendalikan oleh gereja, manakala sebahagian lagi untuk dunia yang dikendalikan oleh negara, seperti yang telah disebutkan.

Golongan Masehi mendasarkan pendapat mereka kepada hikayat Injil mereka darihal Al Masih 'Alaihissalam yang berkata ketika ditanya tentang Kaisar: "Berilah kepada Kaisar hak Kaisar dan kepada Allah hak Allah."

Islam tidak dapat menenima pembahagian ini di atas dua sebab:

Bahawa Islam menjadikan alam seluruhnya dan makhluk semuanya milik Allah. Tidak satu zarah pun milik Kaisar. Malah, Kaisar dan segala apa yang ada pada Kaisar adalab milik Allah Yang Maha Esa lagi Maha Gagah.

Dalam hubungan ini Al Quran menyatakan:

"Ingatlah, sesungguhnya kepunyaan Allah semua yang ada di langit dan semua yang ada di bumi." (Q.S. Yunus: 66)

Dan firmaNya:

"KepunyaanNyalah semua yang ada di langit, semua yang ada di bumi, semua yang ada antaranya dan semua yang di bawah tanah." (Q.S. Thaha: 6)

Dan firmaNya:

"Dan kepadaNyalah menyerahkan diri segala apa yang ada di langit dan semua yang ada di bumi, baik dengan suka maupun terpaksa."

(Q.S. Ali lmran: 83)

Oleh itu, di dalam 'aqidah Islam tidak harus bagi seorang muslim tunduk kepada pemerintah Kaisar dengan ikhtiarnya, pada hal ia berkuasa menundukkan Kaisar kepada perintah Allah. Dan tidak harus baginya memberi kepatuhan pada zahirnya kepada Kaisar, sedang batinnya kepada Allah, kerana firman Allah:

"Sesungguhnya segala urusan itu adalah kepunyaan Allah." (Q.S. ar Ra'du: 31)

2. Bahawa kehidupan dengan segenap aspeknya adalah satu kesatuan yang padu, tidak menerima pembahagian dan pemecahan, melainkan di atas kertas dan pemikiran. Adapun pada kenyataannya hidup tidak dapat dibahagi-bahagikan. Tidak dapat dipisahkan di antara agama dengan negara, di antara ekonomi dengan akhlak, di antara pribadi dengan keluarga dan di antara keluarga dengan masyarakat. Kerana itu maka ideologi-ideologi yang besar berusaha untuk menguasai setiap aspek kehidupan, supaya mudah mereka mengarahkannya mengikut fikrah dan aqidahnya. Sehingga gereja di zaman pertengahan di Eropah tidak mengamalkan ajaran Injil, kerana cuba mengambil tempat Kaisar, atau sekurang-kurangnya berusaha mempengaruhi untuk mendapat mengendalikan politik melaluinya. Berdasarkan kepada inilah maka Islam tidak dapat menerima kalau hanya sekadar 'aqidah dalam teori sahaja, atau ibadat yang berbentuk keruhanian sahaja, atau pendidikan akhlak semata-mata. Walaupun perkara-perkara ini penting dalam pandangan Islam, namun mestilah ada pagar yang memelihara, iaitu berupa undang-undang dan peraturan-peraturan yang merupakan satu unit yang tidak dapat dipisah-pisahkan daripada risalah Islam.

KESYUMULAN AJARAN-AJARAN ISLAM.

Islam adalah risalah manusia seutuhnya di dalam setiap peringkat hidupnya, dan risalah hidup dalam setiap aspek dan lapangannya. Maka tidaklah hairan apabila kita mendapati ajaran-ajaran Islam itu seluruhnya memiliki ciri-ciri kesyumulan yang merangkumi setiap persoalan hidup dan insan. Kita dapati keesejagatan itu nyata dan jelas pada 'aqidah dan tasawwur, pada ibadah dan taqarrub, pada akhlak dan fadhail, dan pada undang undang dan peraturan.

KESYUMULAN 'AQIDAH ISLAM

'Aqidah Islam adalah sejagat dipandang dan berbagai sudut:

(a) Ia disifatkan dengan syumul berdasarkan bahawa ia berfungsi untuk menafsirkan setiap persoalan besar di dalam wujud ini, iaitu persoalan yang sentiasa memenuhi fikiran manusia dengan soalan-soalan yang meminta jawapan yang tegas, yang dapat membebaskan manusia daripada kebimbangan dan keraguan dan menyelamatkan manusia dari mangsa pertaruhan falsafah-falsafah dan agama-agama dan dahulu hingga sekarang, iaitu masalah ketuhanan, masalah alam, masalah manusia, masalah kenabian, masalah akhir kehidupan dan pembalasan. Setengah-setengah 'aqidah itu hanya mengambil berat masalah-manusia, tetapi tidak mengambil berat masalah ketuhanan dan Tauhid. Setengahnya pula mengambil berat masalah Ketuhanan. Tetapi tidak memperhatikan masalah Kenabian dan Kerasulan. Manakala yang lain pula mengambil berat masalah kenabian, tetapi tidak mempersoalkan masalah pembalasan di akhirat. Tetapi aqidah islam mengambil berat dan membicarakan setnua persoalan ini dengan kalimat-kalimat syumul dalam bahasa yang jelas dan terang.

(Q.S. An Nisaa: 150 -151)

(b) Ia disifatkan dengan syumul kerana ia tidak membahagi Tuhan kepada dua oknum, iaitu apa yang dikatakan Tuhan baik atau cahaya ataupun Tuhan jahat atau Tuhan gelap, sebagaimana yang terdapat dalam agama Majusi. Atau pembahagian kepada Allah dan syaitan, yang dipanggil dalarn kitab-kitab Injil dengan nama Ketua alam ini atau dengan nama Tuhan-masa, di mana alam ini dibahagi di antaranya dengan Allah. Baginya kerajaan dunia dan bagi Allah kerajaan langit. Kerjanya mengikut pandangan orang masehi hampir menyerupai kerja "Ahriman" Tuhan gelap orang Majusi. (1)

Dalam pandangan Islam syaitan itu adalah garn baron dan kekuatan jahat, tetapi kekuatan itu tidak dapat berkuasa atas hati nuraini manusia, selain daripada menimbulkan waswas, menggoda,

memperdaya dan mengajak kepada kejahatan. Itulah usaha yang paling jauh yang dapat dilakukannya. Tetapi usaha itu menjadi lemah di hadapan mukmin yang yakin, berpegang dan bertawakkal kepada Allah. Hal ini dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, ketika syaitan berhadapan dengan orang yang diperdayanya:

"Dan Allah berfirmañ terhadap syaitan"

"Sesungguhnya hamba-hamba-Ku, tidak ada kekuasaan bagimu atas ,nereka."- Haqaiqul Islam: oleh Al Aqqaad, hal 123.

(Q.S. Al israa': 65)

"Sesungguhnya syaitan itu tidak ada kekuasaan atas orang-orang yang beriman dan bertawakkal kepada Allah. Kekuasaannya (Syaitan) hanyalah alas orang orang yang mengambil dia jadi pemimpin dan atas orang-orang yang mempersekutukannya dengan Allah."

(Q.S. An Nahli: 99—100)

"Sekali-kali tidak ada kekuasaan bagiku terhadapmu, melainkan (sekadar) aku menyeru kamu mematuhi seruanku."

(Q.S. ibrahim: 22)

Dan firman-Nya lagi:

Dan firman-Nya:

"Sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah."

(Q.S. An Nisaa: 76)

(c) Ia disifatkan syumul dan segi bahawa ia tidak berpegang semata-mata kepada perasaan sebagaimana keadaan falsafah-falsafah timur dan mazhab-mazhab tasauf. Dan seperti keadaan agama Masihi yang menolak sama sekali campur tangan akal pada bidang 'aqidah kerana sudah cukup dengan penerimaan membuta tuli, seperti kata mereka: "Percayalah, sedang engkau membuta tuli !" Demikian juga sebaliknya, ia tidak berpegang kepada akal semata-mata untuk mengenal Allah dan mengharungi rahsia hidup. Akan tetapi 'aqidah Islam berpijak di atas fikiran dan perasaan dan di alas akal dan hati bersama-sama, dengan menganggap keduanya sebagai alat yang saling menyempurnakan daripada alat-alat pengetahuan manusi dan kesedaran insan. Sesungguhnya iman Islam yang sebenarnya ialah memancar dan cahaya akal dan sinaran hati. Kerana itulah ia mampu memainkan peranan dengan positif dalam kehidupan ini. Dan apabila "ilmu Tauhid" menjadi ilmu akal semata-mata, penuh dengan perdebatan yang tidak berkesudahan, sehingga ia dinamai "ilmu Kalam", maka kebanyakan ulama tidak dapat menerimanya, kerana perdebatan semata-mata tidak akan menghasilkan iman Islam. Dengan perkembangan corak pengetahuan akliah yang kaku ini, terjadilah kekosongan perasaan dan keruhanian, yang memberi kesempatan kepada golongan-golongan lain untuk mengisinya, iaitu golongan sufiah. Sebenarnya ilmu kalam ini hanya layak dalam lapangan untuk menghadapi lawan 'aqidah, iaitu menolak segala syubhat dan kebathilan mereka. Adapun untuk membina aqidah dan memantapkannya, sesungguhnya ia tidak memadai.

(d) Ia disifatkan syumul, kerana ia tidak menerima pemecahan. la adalah kepercayaan yang padu, tanpa sedikit pun ragu ragu. Ia mesti mempercayai sepenuhnya tanpa sedikit pun rnengengkarinya. Sekiranya ia ragu-ragu sedikit saja atau engkar sebahagian saja, misalnya beriman 99% dan engkar 1% dan kandungan 'aqidah ini, maka tidaklah dianggap muslim. Jadi Islam itu menuntut supaya seseorang manusia itu menyerah sepenuhnya kepáda pimpinan Allah dan beriman dengan seluruh pengajaran yang datang dari sisi-Nya. Dalam pandangan Islam, seseorang Muslim tidak boleh berkata: "Aku beriman dengan Al Quran dalam soal Syi'ar dan ibadat, tetapi aku tidak beriman dengan soal akhlak dan adab", atau ia berkata: "Aku mengambil daripada Al Quran masalah ibadat dan akhlak, tetapi aku tidak mengambil masalah peraturan dan undang undang, atau aku mengambil seluruhnya, tetapi tidak mengakui perkara-perkara yang berlawanan dengan sejarah, atau aku mengakui dan menerima semuanya, tetapi aku tidak percaya perkara-perkara yang berlaku di akhirat seperti hakikat syorga dan neraka." Kerana itu Al Quran mengencam sikap Bani Israil yang beriman dengan setengah Rasul dan engkar dengan setengah yang lainnya, beriman dengan setengah kitab dan engkar dengan yang lainnya. Firman Allah:

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir dengan Allah dan Rasul-rasul-Nya dan bermaksud tnemperbezakan antara Allah dan Rasul-rasul-Nya, seraya mengatakan: "Kami beriman kepada yang sebahagian (Dan Rasul-rasul itu) dan kafir terhadap sebahagian (yang lain)," serta bermaksud mengambil jalan (lain) di antara yang demikian. Merekalah orang yang Kafir sebenar-benarnya. Kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir itu siksaan yang menghinakan."

KESYUMULAN 'IBADAT Di DALAM ISLAM

Seperti dalam 'aqidah, maka di dalam ibadat pun tergambar dengan jelas kesejagatan itu. Ibadat Islam merangkumi seluruh kejadian manusia. Seorang muslim beribadat kepada Allah bukan dengan lisannya saja, atau badannya saja, atau hatinya tanpa lainnya, atau fikirannya semata-mata, atau panca-inderanya sendirian, tetapi ia beribadat kepada Allah dengan keseluruhannya, iaitu dengan lisan yang berzikir, berdoa' dan membaca, dengan badan yang sembahyang, puasa dan berjihad, dengan hati yang takut, mengharap, cinta dan tawakkal, dengan seluruh panca indera yang digunakan menta'ati Allah Subhana wa Ta'ala.

Di dalam ibadat sembahyang jelas tergambar ibadat lisan dengan membaca, takbir, tasbih dan do'a. Ibadat badan dengan berdiri, duduk, ruku' dan sujud. Ibadat akal dengan berfikir dan merenungkan makna-makna Al Quran dan rahsia-rahsia sembahyang. Ibadat hati dengan khusyu' mencintai Allah dan merasakan bahwa Allah sentiasa memperhatikan dan mengamati hamba-Nya.

Di dalam ibadat Haji tergambar dengan jelas 'amal badan dengan berjalan, berpindah, Tawaf dan saie. Amal lisan talbiab, tahlil, takbir, zikir dan doa'. 'Amal hati dengan berniat dan ikhlas, di samping memberi harta kekayaan dan meninggalkan keluarga serta tanah air kerana Taqarrub kepada Allah.

Selain itu, ada makna lain bagi kesejagatan di dalam 'ibadat, iaitu ianya merangkumi seluas kehidupan manusia. Ia tidak terbatas kepada upacara-upacara ibadat yang tertentu seperti sembahyang, zakat, puasa dan haji, tetapi merangkumi setiap gerak dan amal yang dapat meningkatkan kehidupan dan memberi kebahagiaan kepada manusia.

Berjihad di jalan Allah kerana mempertahankan kebenaran, membela kehormatan, mencegah fitnah dan meninggikan Kalimat Allah adalah ibadat yang tidak ada tandingnya.

Diriwayatkan daripada Abi Hurairah R.A. katanya:

"Seorang laki-laki dan sahabat Rasulullah S.A.W. lalu di celah bukit di mana terdapat mata air yang sangat bening, sehingga ia terpesona, lalu berkata. "Andainya aku memencilkan diri dari orang ramai dan tinggal di tempat ini untuk beribadat. Tetapi aku tidak melakukannya sehingga aku meminta izin kepada Rasulullah S.AW., maka Rasulullah S.A.W. berkata: "Jangan engkau lakukan yang demikian! Sesungguhnya maqam seseorang kamu di jalan Allah adalah lebih baik daripada sembahyang di rumahnya selama tujuh puiuh tahun. Adakah kamu tidak suka Allah mengampunkan dosa kamu dan memasukkan kamu ke syurga? Berjuanglah di jalan Allah! Orang yang berjuang di jalan Allah sebesar punuk unta wajib baginya syurga." - Hadis ini diriwayatkan oleh At Tirmizi dan ia mengatakan hadis Hasan, manakala Al Hakim mengatakan sahih mengikut syarat Muslim dan diakui oleh Al Munziri di dalam kitab At Targhib.

Juga Abi Hurairah meriwayatkan: *"Telah ditanya Rasul ullah S.A.W.: "Apakah yang menyamai jihad fi sabilillah ?" Rasulullah S.A.W. berkata: "Kamu tidak akan sanggup melakukannya." Lalu orang itu mengulangi pertanyaan dua atau tiga kali. Setiap ia bertanya, Rasulullah S.A.W. berkata: "Kamu tidak akan sanggup melakukannya." Kemudian Rasulullah S.A.W. berkata: "Umpama orang yang berjihad di jalan Allah adalah laksana orang yang puasa dan sembahyang terus menerus tidak putus-putus melakukannya, sehingga orang yang berjihad itu kembali fi sabilillah."* (H.R. Bukhhari dan Muslim.)

Setiap amal yang bermanafa'at yang dilakukan oleh seorang muslim dalam rangka berkhidmat kepada mas'yarakat, atau membantu anggota-anggota masyarakat, teristimewa golongan lemah dan sengsara, adalah ibadat. Banyak hadis-hadis yang menerangkan perkara tersebut, seperti hadis yang menggalakkan supaya bersedekah setiap hari yang terbit matahari padanya, sehingga menjadikan 'amal menghilangkan gangguan dan tengah jalan sebagai sedekah menunjukkan muka manis kepada teman adalah sedekah, bereakap yang baik adalah sedekah dan tiap-tiap yang ma'ruf adalah sedekah.

Termasuk ke dalam daerah 'ibadat ialah mengusahakan keperluan hidup seseorang dengan keluarganya supaya ia mendapatkan yang halal dan memeliharakannya dan minta-minta sedekah. Rasulullah S.A.W. menganggap orang yang melakukan yang demikian sebagai "fisabilillah" iaitu jihad sebagai mana jihad di medan perang menghadapi musuh Allah.

Lebih jauh daripada itu, Rasulullah S.A.W. menjadikan orang yang meletakkan syahwatnya dalam perkara yang halal akan diberi pahala. Tatkala sahabat-sahabat merasa hairan perkara yang demikian, maka Rasulullah S.A.W. berkata kepada mereka:

"Adakah sekiranya seseorang itu meletakkannya dalam perkara yang haram ia berdosa ?" Mereka menjawab: "Ya." Rasulullah S.A.W. berkata: "Demikianlah sekiranya ia meletakkannya pada yang halal, maka ia akan diberi pahala." Adakah kamu hanya mengira kejahatan saja dan tidak mengira kebaikan ?" (Lihat buku kami "al 'Ibadah fil Islam" dalam fasal lapangan 'ibadat dalam Islam.)

KESYUMULAN AKHLAK DALAM ISLAM

Kesejagatan nampak dengan jelas di lapangan akhlak dan sifat-sifat keutamaan. Akhlak Islamiyah bukanlah seperti yang dikenali oleh setengah orang sebagai "hak keagamaan", yang tergambar di dalam menunaikan upacara-upacara peribadatan, menjauhi makan babi, minum arak dan seumpamanya, dan tidak Iebih daripada itu. Maka barang siapa yang puasa, sembahyang, membuat upacara-upacara 'ibadat, tidak minum arak, adalah manusia yang baik dan orang saleh, sekalipun ia berlaku kejam terhadap golongan dhu'afa, zalim terhadap fakir miskin, memakan harta manusia dengan cara yang bathil, menyia-yiakan hak masyarakat, mempermainkan jabatan dan pangkat dalam negara. Demikianlah gambaran setengah-setengah penulis tentang akhlak keagamaan. Andainya konsep seperti ini benar mengikut ukuran agama-agama lain, maka sama sekali tidak dapat diterima dalam ukuran agama Islam.

Islam menjadikan keadilan, kebaikan, kasih sayang, memelihara diri dari yang haram, menunaikan amanah kepada ahlinya dan sebagainya daripada "akhlak kemasyarakatan" merupakan sebesar-besar keutamaan yang dengannya seseorang mendekatkan diri kepada Allah dan mernbawanya masuk syurga. Sebagaimana menjadikan lawannya daripada sifat-sifat zalim, derhaka kepada ibu bapa, kejam, jahat, khianat adalah dosa-dosa besar dan kesalahan-kesalahan yang berat yang membawanya masuk neraka. Ianya adalah bukti yang menunjukkan kerusakan hati daripada iman yang benar untuk menernui Allah dan Hisab Nya di akhirat, sebagaimana firman Allah:

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ (1) فَذَلِكَ الَّذِي يَدُعُّ الْيَتِيمَ (2) وَلَا يَحُضُّ عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ (3) فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ (4) الَّذِينَ هُمْ عَن صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ (5) الَّذِينَ هُمْ يُرَاؤُونَ (6) وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ (7)

"Tahukah karnu (orang) yang mendustakan agama? Itulah orang yang menghardik anak yatim. Dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin. Maka kecelakanlah bagi orang-orang yang shalat. Yang mereka itu lalai dan shalatnya, yang mereka itu berbuat ria. Dan enggan mernbayar zakat."

(Q.S. Al Ma'un: 1-7)

Setengah pula menjadikan segi akhlak kemasyarakatan dalam Islam sebagai okas pembahasan, kerana menyangka itulah yang dimaksudkan dengan akhlak dalam Islam. Mereka tidak mengaitkan sama sekali dengan rasa pengabdian dan taqarrub kepada Allah S.A.W. dengan melakukan syi'ar-syi'ar-Nya sama ada yang wajib ataupun yang sunat. Mereka cuba mengumpul nash-nash sebanyak-banyaknya bagi menguatkan dakwaan mereka.

Kedua-dua pendapat ini tidak dapat diterima oleh "akhlak Islam". Islam tidak mengatakan manusia itu baik dan salah kerana semata-mata mempunyai akhlak kemasyarakatan sahaja, atau akhlak keagamaan yang bersifat peribadatan sahaja. Tetapi akhlak Islam merangkumi kedua-duanya. Islam tidak meninggalkan satu aspek pun dan setiap aspek kehidupan manusia: ruhaninya, jasmaninya, agamanya, dunianya, akalnya, perasaannya, peribadinya, masyarakatnya, semuanya telah digariskan manhaj utama bagi hidup mulia. Adapun yang dipisah-pisahkan oleh manusia di lapangan akhlak dengan nama agama, atau nama falsafah, atau nama adat, atau nama masyarakat, telah di jadikan oleh Qanun Akhlak di dalam Islam satu ikatan yang menyeluruh yang saling menyempurnakan. Kemudian ia menambah:

1. Termasuk akhlak Islam perkara-perkara yang berhubungan dengan peribadi di dalam segala seginya:

(a) Jasmaninya, ada keperluan dan hajatnya. Firman Allah:

يَا بَنِي آدَمَ خُذُواْ زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وكُلُواْ وَاشْرَبُواْ وَلاَ تُسْرِفُواْ إِنَّهُ لاَ يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ (31)

"Makan dan minumlah kamu, tetapi jangan berlebih-lebihan."

(Q.S. Al A'araaf: 31)

Rasululah S.A.W. bersabda:

"Sesungguhnya terhadap badanmu engkau mempunyai kewajiban.''

(H. R. Syaikhan)

(b)Akal, ada bakat dan lapanganya, Firman Allah:

قُلْ إِنَّمَا أَعِظُكُم بِوَاحِدَةٍ أَن تَقُومُوا لِلَّهِ مَثْنَى وَفُرَادَى ثُمَّ تَتَفَكَّرُوا مَا بِصَاحِبِكُم مِّن جِنَّةٍ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَّكُم بَيْنَ يَدَيْ عَذَابٍ شَدِيدٍ (46)

“Katakanlah! Sesungguhnya aku hendak memperingatkan kepada sesuatu hal saja, iaitu supaya kamu rnenghadap Allah (‘dengan ikhlas) berdua-dua atau sendiri-sendiri, kemudian kamu fikirkan.”

(Q.S. Saba’ : 46)

(c) Jiwa, ada perasaan dan potensinya, Firman Allah:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا (9) وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا (10)

Dan firman-Nya:

“Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu. Dan sesungguhnya merugilah oranglah orang yang mengotorinya.”

(Q.S. Asy-Syams: 9-10)

2. Termasuk akhlak Islam ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan keluarga:

(a) Perhubungan di antara suami isteri. Firman Allah:

“Dan bergaullah dengan mereka secara patut. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, pada hal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak.”

(Q.S. An Nisaa : 19)

(b) Perhubungan di antara ibu bapa dengan anak. Firman Allah:

“Kami perintahkan manusia supaya berbuat baik kepada dua ibu bapanya.” (Q.S. Al Ahqaaf: 15)

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar.” (Q.S. Al lsraa’: 31)

(c) Perhubungan di antara karib kerabat. Firman Allah:

“Sesungguhnya Allah tnenyuruh (kamu) berlaku ‘adil dan berbuat kebajikan dan memberi kepada kaum kerabat.”

(Q.S. An Nahli: 90)

Dan Firman-Nya:

“Dan berilah kepada keluarga-keluarga yang berdekatan haknya dan orang-orang miskin dan orang yang dalam perjalanan.”

(Q.S. Al Isra’: 26)

3. Termasuk akhlak Islam perkara-perkara yang berhubungan dengan masyarakat:

(a) Adab sopan santun dalam pergaulan di dalam masyarakat. Firman Allah:

“Janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagimu agar kamu (selalu) ingat.”

(Q.S. An Nuur: 27)

(b) Di dalam kegiatan ekonomi dan pergaulan: Firman Allah:

“Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang (iaitu) orang-orang yang apabila menerima tukaran dan orang lain, mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menukar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi.”

(Q.S. Al Muthaffifin: 1-3)

Dan Firman-Nya:

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermua’malah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya.”

(Q.S. Al Baqarah)

(e) Di dalam bidang politik dan pemerintahan. Firman Allah:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh) kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil."

(Q.S. An Nisaa: 58)

4. Termasuk akhlak Islam ialah perkara-perkara yang berhubungan dengan makhluk-makhluk yang tidak berakal seperti haiwan, burung dan sebagainya, sebagaimana dalam hadis bermaksud: "Pelihara dirimu dan siksa Allah berkenaan dengan binatang-bina yang tidak dapat bercakap. Tunggangilah ia dengan cara yang baik dan makanlah ia dengan cara yang baik. "Dan hadis lain bermaksud:

"Berbuat baik kepada tiap-tiap rnakhluk yang mempunyai hati itu ada ganjaran."

5. Termasuk akhlak Islam ialah perkara-perkara yang berhubungan dengan alam raya ini, iaitu dan sudut bahawa ianya adalah lapangan untuk direnungkan, diambil i'tibar, diperhatikan, difikirkan dan dijadikan bukti atas wujudnya Maha Pencipta yang memiliki Qudrat, Ilmu dan Hikmah Yang Maha Tinggi, daripada keindahan dan kerapian susunnya, sebagaimana Firman Allah:

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal. (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri dan tunduk dan dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata) 'Ya Tuhan kami, tiada Engkau menciptakan melainkan dengan sia-sia, Maha Suci Engkau."

(Q.S. Ali lmran : 190-191)

Dan juga dan sudut supaya di pergunakan dan dinikmati segala kebaikan dan kemudahan yang telah disediakan Allah padanya bagi manfa'at manusia agar mereka bersyukur kepada Allah di atas segala limpahan rahmat dan kurnianya. Firman Allah

"Tidakkah kamu perhatikan sesungguhnya Allah telah menundukkan untuk (kepentingan) kamu apa yang di langit dan di bumi dan meyempurnakan nikmat-Nya yang lahir dan batin untukmu."

(Q.S. Lukman: 20)

Dan Firman-Nya:

"Hai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu Allah."

(Q.S. Al Baqarah: 172)

6. Kernuncak dan semuanya, ialah perkara yang berhubung dengan hak Allah Yang Maha Agung lagi Maha Pencipta, sumber dan segala nikmat yang berhak mendapat segala pujian, sebagaimanafirmannya-Nya:

"Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Maha Pemurah lagi Maha penyayang, Yang menguasai hari pembalasan. Hanya engkaulah kami memohon pertolongan. Pimpilah kami ke jalan yang lurus."

(Q.S. Al Faatihah: 2-6)

Hanya Dia sahaja yang layak mendapat pujian, yang di pohonkan rahmat-Nya Dia sahajalah yang layak mendapat pujian, yang dipohonkan rahmat-Nya yang luas, yang ditakuti hukumNya yang 'adil di hari pembalasan. Dialah yang Esa yang berhak disembah dan dimintai pertolongan-Nya serta dipohonkan Hidayah-Nya untuk mendapat jalan yang lurus.

KESYUMULAN FALSAFAH AKHLAK ISLAM

Dan keterangan ini jelaslah kesyumulan akhlak Islamiyah dan segi sasaran dan lapangannya. Dan lebih nyata lagi apabila kita perhatikan falsafah dan sumber normanya.

Kita lihat aliran-aliran falsafah saling berbeza di dalam menafsirkan akhlak dan menerangkan ukuran yang digunakan untuk menetapkan undang-undang akhlak ataupun sumber normanya, iaitu di antara golongan idealis yang mengatakan ukurannya ialah akal, atau hati nuraini, atau perasaan dan sebagainya, dengan golongan pragmatis dan berbagai aliran seperti untuk kesenangan, keuntungan, kemajuan, kekuatan atau kehendak masyarakat dan sebagainya.

Islam telah dikehendaki Allah risalah sejagat lagi abadi untuk menjadi hidayah kepada seluruh manusia dan setiap ummat, setiap lapisan, setiap orang dan setiap generasi. Sedangkan manusia berbeza-beza bakat pembawaan dan kekuatan-kekuatan ruhani, akal dan perasaannya. Juga tidak sama keinginan keinginan, cita-cita dan kepentingan-kepentingannya. Kerana itu fikrah akhlak Islam menyeluruh dalam satu kesatuan yang padu yang merangkumi segala-galanya. Manakala fikrah akhlak di luar Islam berpecah kepada beberapa aliran, seperti aliran-aliran idealis dan pragmatis di dalam mengemukakan teori-teori mereka terhadap akhlak dan penafsiran mereka terhadap sumber

nilainya. Bukanlah setiap yang mereka katakan itu salah, dan bukan pula benar, tetapi ‘aibnya ialah bahawa setiap teori itu hanya melihat dan satu sudut sahaja dan menutup mata dan sudut-sudut yang lainnya. Memang suatu perkara yang lumrah dalam pemikiran manusia, yang tidak mampu melihat satu persoalan itu dan semua sudut sebagai pandangan dan pengetahuan yang menyeluruh yang merangkumi setiap masa dan tempat, setiap generasi dan tempat, setiap generasi dan. pribadi, setiap keadaan dan lapangan. Di sinilah kelemahan manusia yang sememangnya sangat berhajat kepada pengetahuan Allah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Dengan itu tidaklah hairan apabila pandangan Islam sejagat, menyeluruh, meliputi dan merangkumi segala-galanya. Ia bukanlah pandangan manusia, tetapi wahyu dan Allah yang mempunyai ilmu yang meliputi manusia, tetapi wahyu dan Allah yang mempunyai ilmu yang mutlak yang meliputi dan inengetahui segala-galanya.

Kerana itu Allah menjadikan Islam agama yang dapat memuaskan setiap keinginan yang sehat dan normal, menyenangkan setiap pendapat yang sehat dan sejahtera, dan serasi dengan setiap perkembangan yang baik. Golongan idealis yang ingin kebaikan kerana kebaikan semata-mata akan mendapatinya di dalam akhlak Islam di dalam ber’amal mencari keridhaan Allah. Golongan yang mempergunakan ukuran bahagia, akan mendapat di dalam fikrah Islam apa yang dapat mengwujudkan kebahagiaannya dan masyarakat yang bersamanya, sebagaimana firman Allah:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (97)

“Barang siapa nengerjakan amal saieh, baik laki-laki mau pun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan diberikan kepadanya kehidupan yang balk.”

(Q.S. An Nahl: 97)

Golongan yang mempergunakan ukuran manafa’at untuk peribadi atau masyarakat akan mendapati di dalam Islam manafa’at yang dicarinya, sebagaimana firman Allah:

“Jika kamu berbuat baik (berarti) kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri.”

(Q.S. Al lsraa’ : 7)

Dan firmanNya:

“Barangsiapa yang mengerjakan amal saleh, maka (pahalanya) untuk dirinya sendiri dan barangsiapa berbuat jahat, maka (dosanya) atas dirinya sendiri.”

(Q.S. Fushshilat: 46)

Golongan yang mempergunakan ukuran kemajuan, akan mendapati di dalam Islam kemajuan yang dicarinya. Demikian juga golongan yang mempergunakan ukuran kondisi masyarakat akan mendapati apa yang sesuai dengan masyarakatnya. Malah golongan yang cita-citanya hanya untuk mendapat kesenangan dan kelazatan, akan mendapatinya, sesuai dengan nikmat dan kesenangan yang disediakan Allah bagi orang-orang mukim di syurga, sebagaimana firman Allah:

“Di dalam syurga itu terdapat segala apa yang diingini oleh hati dan sedap (dipandang) mata.”

(Q.S. Az Zukhruf: 71)

KESYUMULAN UNDANG - UNDANG ISLAM

Undang-undang Islam adalah undang-undang sejagat, merangkumi segala-galanya, Ia tidak di syari’atkan untuk mengatur pribadi tanpa keluarga, keluarga tanpa masyarakat tertentu yang terpisah dan masyarakat lainnya.

Sesungguhnya undang-undang Islam merangkumi undang-undang yang mengatur pribadi dengan Tuhannya di dalam ibadahnya, seperti yang dibicarakan dengan penjang lebar di dalam bahagian “lbadah” di dalam feqah yang tidak didapati di dalam undang-undang yang dicipta oleh manusia.

Ia disyariatkan untuk mengatur seseorang di dalam perjalanan hidupnya, baik secara pribadi atau di dalam masyarakat. Iaitu perkara-perkara halal dan haram, atau perkara-perkara yang terlarang dan harus.

Undang-undang Islam merangkumi perkara-perkara yang berhubungan dengan keluarga, seperti perkahwinan, perceraian, nafkah, susuan, warisan, kewalian atas diri dan harta dan sebagainya. Inilah yang dinamakan pada hari ini sebagai ‘personal law.”

Ia disyaria’atkan untuk mengatur masyarakat di dalam hubungan-hubungan civil dan perdagangan, dan segala yang berkaitan dengan pertukaran harta dan manafa’at, sama ada dengan

tukaran atau tanpa tukaran, seperti jual beli, sewa menyewa, upah-mengupah, pinjam meminjam, hutang piutang. gadai mengadai, hewalah, kifalah, dhomaan dan sebagainya. Ini terkandung di dalam undang-undang "civil dan perdata" pada masa kita ini Ia merangkumi undang-undang yang berhubungan dengan perkara-perkara jenayah dengan hukuman yang ditetapkan oleh syarak keatasnya seperti hudud dan qishash, maupun hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak, tetapi penetapannya diserahkan kepada kebijaksanaan orang berwenang keatasnya seperti hukuman-hukuman ta'zir. Ini terkandung di dalam "undang undang jenayah", atau "balasan" dan "qanun kesiksaan".

Undang-undang Islam di syari'atkan untuk mengatur hubungan pernerintahan dengan rakyat, iaitu tentang kewajiban pemerintah kepada rakyat, dan kewajiban rakyat kepada pemerintah dan segala peraturan yang mengatur hubungan antara keduanya, sebagaimana yang dibicarakan dalam kitab-kitab "As Siyasah as Syar'iyah", "Al-Kharaj" dan "Al Ahkaam as Sulthaniah" di dalam feqah Islam. Hari ini dinamkan "perlembagaan", Administration" dan "Kewangan".

Undang-undang Islam disyari'atkan untuk mengatur hubungan antarabangsa, baik masa damai maupun masa perang, sama ada antara sesama orang Islam maupun yang bukan Islam, sebagai mana yang diterangkan di dalam kitab "Al Jihad" di dalam fekah Islam. Pada masa ini dinamai 'undang-undang internasional".

Dari sini jelas bahawa tidak ada satu aspek pun dari setiap aspek hidup yang tidak dimasuki oleh undang-undang Islam, berupa perintah, tegahan dan keharusan. Cukuplah disebut satu ayat yang diturunkan di dalam Al Quran bersabit dengan satu persoalan daripada persoalan-persoalan civil, iaitu tentang hutang piutang dan menuluiskannya.

Kesyumulan undang-undang jelas tergambar dalam kemapuannya menembusi inti berbagai persoalan secara mendalam dengan pandangan yang menyeluruh berdasarkan pengenalannya terhadap hidup manusia dengan nllai-nilai agama akhlak kerana peranannya untuk berkhidmat dan memeliharanya, bukan untuk meruntuhkannya.

Sesiapa yang telah mengerti perkara ini dengan baik, maka mampulah ia memahami pendirian undang-undang Islam dan keunggulannya di dalam nenyelesaikan berbagai-bagai persoalan, seperti masalah-masalah Talak, poligami, warisan, riba, hudud, qishash dan sebagainya, sebagaimana telah diakui oleh kajian perbandingan, atau penyelidikan sejarah maupun kenyataan sendiri, tentang kelebihan Islam dan keunggulannya berbanding dengan undang-undang yang lain.

Sesungguhnya kekurangan dan kecacatan manusia ialah keterbatasannya untuk melihat sesuatu hanya dan satu sudut sahaja dan ketidakmampuannya melihat dan berbagai sudut. Sebenarnya mereka tidak salah dalam keterbatasan ini, kerana sesungguhnya pandangan yang menyeluruh dan kesyumulan, yang merangkumi setiap sudut dan mengenal setiap keperluan, serta mengetahui setiap kemungkinan dan kenyataan, hanyalah Tuhan manusia Pencipta alam semesta.

Firman Allah:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ (14)

"Apakah Allah yang menciptakan itu tidak mengetahui, sedagkan Dia Maha Halus dan Maha Mengetahui."

(Q.S. Al Mulk: 14)